

Analisis Persepsi Generasi Z Terhadap Bahasa Melayu Dari Perspektif Sosiokognitif

Siti Nurul Jannah Binti Fital* dan Junaini Binti Kasdan

Universiti Kebangsaan Malaysia, Malaysia

*Corresponding author: jannah@unimap.edu.my

Received: 22nd July 2022; Revised: 22nd September 2022; Accepted: 1st Dec 2022

ABSTRAK

Revolusi Industri 4.0 (R14) yang lebih menekankan bidang Sains dan Teknologi serta keperluan menguasai bidang tersebut dalam bahasa Inggeris dilihat memberi kesan kepada persepsi Generasi Z (Gen Z) terhadap bahasa Melayu. Justeru, kajian ini dijalankan dengan tujuan untuk mengenal pasti dan menganalisis tahap persepsi terhadap bahasa Melayu dalam kalangan Gen Z, iaitu generasi yang lahir dan membesar dalam era ini. Data diperoleh daripada 660 maklum balas responden yang diterima daripada soal selidik. Responden terdiri daripada Gen Z di seluruh Malaysia yang menerima undangan berdasarkan kriteria yang ditetapkan, meliputi kelompok bandar, pinggir bandar dan luar bandar. Instrumen kajian yang dibangunkan khusus untuk kajian ini mempunyai tahap keesahan dan kebolehpercayaan yang tinggi, iaitu $\alpha = .75$ hingga $\alpha = .91$. Data dianalisis secara deskriptif dan inferensi menggunakan perisian Statistical Package for Social Sciences (SPSS) versi 25.0. Kajian ini memanfaatkan Teori Sosiokognitif dan pendekatan sosiokognitif bagi menghuraikan pertalian antara latar sosial dengan tahap persepsi terhadap bahasa Melayu dalam kalangan Gen Z. Secara umumnya hasil kajian mendapati bahawa 14.0% Gen Z mempunyai persepsi yang positif dan 13.0% berpersepsi sangat positif terhadap bahasa Melayu. Manakala sebanyak 56.0% Gen Z dalam kajian ini berpersepsi negatif dan sebanyak 17.0%, berpersepsi sangat negatif terhadap bahasa Melayu.

Kata Kunci: persepsi, jati diri, generasi Z, revolusi industri 4.0, sosiokognitif

1. PENGENALAN

Malaysia didasari oleh masyarakat pluraliti yang membawa bersama perbezaan kehendak dan kemahuan sekaligus mahu menjaga kepentingan kaum dan etnik sendiri. Bagi mewujudkan perpaduan antara kaum, sesebuah negara memerlukan satu medium yang dapat dijadikan pegangan oleh semua kaum tanpa mengira agama dan budaya. Medium yang menjadi pegangan semua kaum inilah akhirnya menjadi satu identiti untuk negara. Dalam konteks di Malaysia mengguna dan mengamalkan bahasa Melayu dalam setiap aspek merupakan lambang jati diri rakyat Malaysia. Namun, pengiktirafan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan dan Bahasa rasmi satu ketika dulu merupakan keperluan yang mendesak menjelang Tanah Melayu mencapai kemerdekaan. Setelah lebih 60 tahun negara mencapai kemerdekaan, corak berbahasa rakyat Malaysia yang mempunyai pegangan dan fahaman yang berbeza-beza ini telah banyak berubah. Keteguhan jati diri bahasa Melayu mereka tidak dapat dipastikan tanpa kajian yang komprehensif. Tambahan lagi dengan kemaraan RI4 yang sangat mementingkan penguasaan bahasa asing dilihat mampu menghakis keteguhan jati diri penutur bahasa Melayu.

Menurut Zaliza & Zaitul Azma (2012), globalisasi merupakan suatu gejala khusus dalam tamadun manusia yang bergerak terus dalam populasi global dan merupakan sebahagian proses manusia global yang menyentuh aspek kehidupan secara komprehensif. Zulkifley et al. (2010) yang mendapati remaja berumur 20 tahun ke bawah cenderung untuk memilih dan dipengaruhi budaya luar. Kajian pengkaji turut menunjukkan bahawa modenisasi, globalisasi dan perkembangan sains dan teknologi telah mempengaruhi minda remaja, sehingga menyebabkan wujudnya ketidakpercayaan terhadap kemampuan 170ahasa Melayu dalam dunia globalisasi.

Gejala yang sama turut berlaku kepada 170ahasa Melayu Brunei apabila kajian Jalaludin (2008), mendapati, generasi yang berumur 20 tahun ke bawah sudah menganggap 170ahasa Melayu Brunei dalam 170ahasa sapaan keluarga sudah tidak laku pemakaianya di zaman mereka, kerana mereka lebih selesa menggunakan 170ahasa sapaan dalam 170ahasa Inggeris. Bahasa Melayu Brunei juga menurut pengkaji, dilihat tidak mempunyai kepentingan dan tidak mempunyai nilai ekonomi kerana penggunaan 170ahasa Inggeris lebih dominan dalam memacu ekonomi negara Brunei. Globalisasi memberi implikasi yang buruk terhadap jati diri 170ahasa sesebuah bangsa turut disokong oleh Marsudi (2009), yang mendapati perkembangan pesat era teknologi digital telah menuntut penguasaan yang tinggi terhadap 170ahasa Inggeris telah meminggirkan kedudukan 170ahasa Indonesia. Kajian tersebut juga mendapati rasa bangga terhadap 170ahasa Indonesia yang menjadi 170ahasa 170 jati diri bangsa Indonesia telah menurun kerana sikap masyarakat lebih memilih penggunaan 170ahasa asing berbanding 170ahasa Indonesia. Nur Uzuki & Khuzaiton (2018) pula mendapati kemerosotan penggunaan dialek Kelantan dalam kalangan orang Kelantan adalah kesan daripada arus kemodenan dan asakan globalisasi.

Kemaraan era RI4 didapati turut memberi kesan kepada sistem pendidikan negara. Fenomena ini telah menjadi pemangkin kepada kepentingan menguasai bahasa Inggeris di Malaysia. Bermula pada 19 Julai 2002, sebagai langkah mengatasi kelemahan penguasaan bahasa Inggeris dalam kalangan pelajar, jemaah menteri telah meluluskan usulan untuk melaksanakan dasar Pengajaran dan Pembelajaran Sains dan Matematik Dalam Bahasa Inggeris (PPSMI). Keputusan tersebut telah diumumkan oleh Menteri Pendidikan ketika itu pada 20 Julai 2002. PPSMI telah dilaksanakan secara berperingkat bermula pada awal tahun 2003 yang melibatkan pelajar tahun 1, tingkatan 1 dan tingkatan enam bawah. Proses perubahan dasar ini berterusan sehingga melibatkan semua peringkat pendidikan rendah dan menengah pada tahun 2008.

Pelaksaan dasar PPSMI ini telah melibatkan pelajar-pelajar Gen Z yang lahir antara tahun 1995 hingga 2010. Kajian yang dijalankan oleh Chew Fong Peng (2008) mendapati, dalam masa tiga tahun pelaksanaan PPSMI pelajar sudah menampakkan perubahan sikap, persepsi dan cara pertuturan mereka. Pelajar cenderung mencampuradukkan bahasa Melayu-bahasa Inggeris (BM-BI). Kajian tersebut turut mendapati bahawa guru-guru bahasa Melayu menunjukkan sikap kurang berpuas hati dengan PPSMI kerana PPSMI menjelaskan penggunaan bahasa Melayu. Para pelajar didapati lebih cenderung menggunakan bahasa Inggeris dalam perbincangan di dalam kelas dan bersama rakan sebaya. Pengkaji ini meramalkan bahawa PPSMI akan menjelaskan status dan kedudukan bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar dan komunikasi utama pelajar untuk jangka masa panjang.

Pelaksaan PPSMI ini menurut Kamal Shukri (2009), telah menyebabkan kemerosotan penggunaan bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar dan komunikasi pelajar. Menurut pengkaji, peratusan penggunaan bahasa Melayu menerusi mata pelajaran semakin menurun mengikut tahap pendidikan. Di peringkat sekolah rendah, peruntukan masa untuk mata pelajaran yang menggunakan bahasa Melayu adalah sebanyak 60%, menjadi 62% di peringkat menengah rendah, seterusnya peratusan itu menjunam kepada 36% di peringkat menengah atas. Penggunaan bahasa Melayu di peringkat menengah tinggi merosot lagi kepada 20%. Keadaan itu menjadi semakin suram di peringkat pengajian tinggi sehingga tinggal hanya 9% sahaja kursus yang ditawarkan dalam bahasa Melayu.

Kesan RI4 bukan sahaja melibatkan perubahan corak pendidikan di peringkat sekolah sahaja malah turut melibatkan perubahan struktur akademik di peringkat pengajian tinggi. Semua Institusi Pengajian Tinggi (IPT), sama ada awam mahupun swasta berusaha keras bagi memastikan produk yang dihasilkan melalui program-program yang ditawarkan memenuhi tuntutan pasaran pekerjaan yang bertunjangkan RI4. Sawal Hamid dalam Noor Azizah (2019) melihat sistem pendidikan Tinggi Malaysia sedang bergerak ke hadapan dalam perkembangan RI4. Kajian jati diri bahasa Melayu dalam kalangan pelajar universiti awam (UA) yang dijalankan oleh Zamri et al. (2017) mendapati aspek pengamalan bahasa Melayu pelajar, didapati paling 63 rendah berbanding aspek pemahaman dan penghayatan di semua UA yang dikaji. Menurut pengkaji fenomena ini berlaku akibat penekanan kepada penguasaan lisan dan tulisan dalam bahasa Inggeris oleh pihak universiti telah mempengaruhi pembentukan tahap jati diri bahasa Melayu dari segi pemahaman, penghayatan dan khususnya dari segi pengamalan bahasa Melayu dalam kalangan pelajar aliran pendidikan UA yang terlibat.

Kajian Yamasaki (2020), Zwisler (2018), Akinkurolere (2018), dan Beck & Lam (2008) yang melihat kepupusan bahasa pribumi akibat tuntutan globalisasi mencatatkan bahawa masalah tersebut sebenarnya berpunca daripada jati diri penuturnya yang tidak kuat. Kelunturan jati diri ini akhirnya memandang bahasa asing itu lebih tinggi nilainya berbanding bahasa sendiri, dan akhirnya memusnahkan usaha untuk memelihara bahasa pribumi. Sikap yang suka membanggakan penggunaan bahasa asing, akhirnya mengubah jati diri mereka terhadap bahasa dan budaya asal. Sikap negatif sebegini menjadi pendorong kepada penurunan bahasa warisan. Kajian oleh Venturin (2019) pula menunjukkan bahawa, sentimen atau emosi yang kuat mampu mempengaruhi hubungan antara jati diri dan bahasa, khususnya dalam kalangan responden kajian yang dilakukan. Dapatkan kajian juga menunjukkan, kognitif seseorang memainkan peranan yang besar, yang mampu mempengaruhi perspektif seseorang tentang peranan bahasa mereka dalam membina jati diri.

RI4 yang lebih menekankan bidang Sains dan Teknologi serta keperluan menguasai bidang tersebut dalam bahasa Inggeris dilihat memberi implikasi kepada pembinaan jati diri bahasa Melayu. Menurut Arndt Graf (2020), perubahan teknologi dalam RI4 bukan sahaja boleh memberi kesan terhadap kedudukan dan peranan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan, tetapi juga turut memberi kesan terhadap jati diri individu, konsep bangsa Melayu dan bangsa Malaysia. Pengkaji menegaskan bahawa kedudukan bahasa Melayu sebagai lambang jati diri penuturnya tidak akan terjejas, sekiranya usaha-usaha yang giat untuk mendaulatkan dan melestarikan bahasa Melayu terus dilakukan oleh penuturnya. Pengkaji menyarankan agar bahasa Melayu perlu menjadi bahasa yang lebih penting sebagai bahasa utama dalam RI4.

1.1 Konsep Persepsi

Dalam kehidupan manusia, sebahagian besar sikap dan tingkah laku dipengaruhi oleh persepsi. Persepsi sering kali dikaitkan dengan proses penilaian seseorang terhadap objek tertentu. Persepsi dari sudut pandang Mohd Salleh (dalam Joanes J. et al. 2014), ialah sesuatu proses pentafsiran atau reaksi seseorang itu terhadap rangsangan atau sesuatu perkara dan kemudian memberi makna kepada perkara tersebut. Proses pentafsiran dan pemahaman yang teratur ini menurut beliau lagi, mengambil masa yang lama dan tidak berlaku secara automatik. Persepsi dalam konteks kajian ini, ditakrifkan sebagai interpretasi atau tanggapan pelajar terhadap bahasa Melayu melalui pancaindera yang sangat dipengaruhi oleh pengalaman, proses belajar, pengetahuan dan faktor-faktor lain yang ada dalam diri pelajar itu sendiri. Dalam hal ini, bahasa Melayu dilihat sebagai objek yang diamati oleh manusia dengan inderanya, dan diwarnai dengan nilai dari keperibadian masing-masing individu sama ada bersifat negatif atau positif. Menurut Kotler (2000), persepsi merupakan proses bagaimana seseorang memilih, mengatur dan menginterpretasikan input informasi untuk menghasilkan gambaran keseluruhan yang bermakna. Junaidi & Mohd Fuad (2012), persepsi merupakan proses seseorang individu memilih,

menerima, mengorganisasi dan menginterpretasikan maklumat daripada persekitarannya. Persepsi adalah kepelbagaiannya dan sukar untuk ditangani jika tidak diurus dengan baik.

2. OBJEKTIF

Kajian ini dijalankan bertujuan untuk mengenal pasti tahap persepsi Gen Z terhadap Bahasa Melayu dalam era R14, serta pertalianannya dengan latar sosial yang melatari mereka. Secara khususnya, objektif kajian ini adalah untuk:

1. Mengenal pasti tahap persepsi bahasa Melayu dalam kalangan Gen Z.
2. Menghuraikan fenomena persepsi bahasa Melayu dalam kalangan Gen Z berlandaskan teori dan pendekatan sosiokognitif.

3. HIPOTESIS

Skop kajian ini terbatas pada hipotesis-hipotesis yang berikut:

- H1 Terdapat perbezaan persepsi bahasa Melayu yang signifikan dalam kalangan Gen Z yang mempunyai latar sosial yang berbeza.
H2 Terdapat hubungan persepsi bahasa Melayu yang signifikan dalam kalangan Gen Z yang mempunyai latar sosial yang berbeza.

4. METODOLOGI

Dalam konteks kajian ini, penulis memberikan tumpuan kepada penelitian tentang persepsi bahasa Melayu dalam kalangan pelajar Gen Z. Kajian ini memanfaatkan data kuantitatif deskriptif yang diperoleh daripada soal selidik. Seramai 660 orang pelajar dari Gen Z yang lahir sekitar tahun 1998 - 2000 dipilih berdasarkan kriteria-kriteria yang ditetapkan untuk menjadi responden kajian ini.

Instrumen yang digunakan dalam kajian terdiri daripada satu set soal selidik yang dibahagikan kepada dua bahagian. Bahagian A bertujuan untuk mendapatkan demografi Gen Z, bahagian B bertujuan untuk mengkaji persepsi Gen Z terhadap bahasa Melayu sebagai Bahasa kebangsaan. Soalan-soalan yang persepsi dibina dengan menggunakan skala Likert 10 skala iaitu Sangat Tidak Setuju (1-2), Tidak Setuju (3-4), Tidak Peduli/Tidak Kisah (5-6), Setuju (7-8) dan Sangat Setuju (9-10). Instrumen yang dibina menggunakan skala Likert 10 mata. Skala ini diambil dan diolah berdasarkan kajian Indeks Belia Malaysia 2011 (IBM 2011). Bagi tujuan penginterpretasian skor, nilai pengukuran dibahagikan kepada empat tahap iaitu, skala min maksimum bagi Gen Z yang mempunyai persepsi yang sangat positif ialah 10, manakala skala min minimum bagi Gen Z yang mempunyai persepsi yang sangat negatif ialah 0. Seterusnya, berdasarkan skor min 0 - 10, maka penginterpretasian bagi komponen persepsi dikelompokkan seperti Jadual 1;

Jadual 1 Skala min dan tahap interpretasi

| Skala Min | Tahap Interpretasi Persepsi |
|--------------|-----------------------------|
| 0 – 3.99 | Sangat negative |
| 4.00 – 5.99 | Negatif |
| 6.00 – 7.99 | Positif |
| 8.00 – 10.00 | Sangat Positif |

4.1 Populasi dan Sampel Kajian

Populasi ialah satu kumpulan generalisasi yang terdiri daripada objek seperti manusia yang mempunyai karakter yang telah ditetapkan oleh penyelidik. Populasi terdiri daripada populasi sasaran dan populasi capaian (Chua 2011). Gen Z yang lahir sekitar tahun 1998 - 2000 melibatkan 65 populasi capaian terlalu besar. Memberi fokus kepada persepsi bahasa Melayu dalam kalangan Gen Z, kajian ini menjadikan populasi kajian terdiri dari Gen Z yang sedang melanjutkan pengajian di UA dan Institusi Pengajian Tinggi Swasta (IPTS) terpilih. Penyelidik telah menetapkan ciri-ciri sampel yang akan dikaji, iaitu Gen Z di UA dan IPTS yang terpilih berdasarkan kriteria yang ditetapkan oleh penyelidik. Antaranya kriteria IPT yang dipilih ialah, menawarkan kursus Bahasa Melayu sama ada sebagai kursus pilihan ataupun sebagai kursus wajib bergraduat dan mempunyai pelajar yang terdiri daripada sekurangkurangnya tiga kaum asas iaitu Melayu, Cina dan India. Selain itu kajian ini juga hanya akan mengambil responden daripada UA daripada kategori yang mewakili universiti berfokus, universiti komprehensif dan universiti penyelidikan sebagai sampel penyelidikan.

Setelah menetapkan sampel yang dipilih, jumlah sampel yang sesuai bagi menggambarkan populasi yang diwakili adalah amat penting. Terdapat banyak formula untuk menentukan sampel yang perlu dalam menggambarkan keseluruhan populasinya. Antaranya Morgan dan Krejcie (1970) bagi setiap 500 populasi, jumlah sampel yang diperlukan ialah sebanyak 217 orang, iaitu peratusan sebanyak 43.4%. Menurut Ghazali & Sufean (2016) dalam penyelidikan deskriptif, sebaik-baik sampel ialah sebanyak yang mungkin. Minimum sampel bagi kajian deskriptif ialah 10% daripada jumlah populasi, 20% bagi jumlah populasi kecil dan minimum 30% yang membenarkan penggunaan statistik (Ghazali & Sufean 2016). Kelompok yang dipilih didalam persampelan ini ialah kumpulan pelajar yang sedang mengikuti sesi pembelajaran kursus Bahasa Melayu di IPT pada semester 1 sesi 2019/2020.


Jadual 2 Pecahan populasi capaian dan sampel

| UA | Populasi | Sampel |
|--|----------|--------|
| Universiti Malaysia Perlis | 685 | 205 |
| Universiti Malaysia Sabah | 220 | 66 |
| Universiti Malaysia Sarawak | 330 | 99 |
| Univerisiti Kebangsaan Malaysia | 415 | 125 |
| IPTS | | |
| Universiti Tunku Abdul Rahman (cawangan Johor Bahru) | 297 | 89 |
| <i>Asia E University</i> | 173 | 52 |
| <i>INTI International University & Colleges</i> | 251 | 75 |
| Kolej Poly-Tech MARA (cawangan Ipoh) | 298 | 89 |

Seterusnya penyelidik melakukan sesi temubual bersama responden yang dipilih melalui prosedur persampelan bertujuan dan kriteria mudah yang telah ditetapkan oleh penyelidik (Stake, 1995). Ghazali dan Sufean (2016) menyatakan pemilihan sampel menggunakan kaedah persampelan bertujuan adalah berdasarkan kriteria, sifat dan maklumat seperti yang dikehendaki dalam kajian.

5. PENGARUH DAN PERTALIAN LATAR SOSIAL DENGAN PERSEPSI GEN Z TERHADAP BAHASA MELAYU.

Berdasarkan cerapan data, kajian ini mendapat latar sosial Gen Z dalam kajian ini iaitu jantina, lokasi tempat tinggal, kaum dan aliran bidang pengajian mempengaruhi pembentukan persepsi Gen Z terhadap bahasa Melayu. Bahagian ini akan menganalisis pengaruh latar belakang sosial terhadap persepsi bahasa Melayu Gen Z dalam kajian ini. Persepsi sering kali dikaitkan dengan proses penilaian seseorang terhadap objek tertentu sama ada menyukainya atau sebaliknya dan bergantung kepada cara individu itu menanggapi objek tersebut. Menurut Kotler (2000), 66 persepsi merupakan proses bagaimana seseorang memilih, mengatur dan menginterpretasikan input informasi untuk menghasilkan gambaran keseluruhan yang bermakna. Junaidi & Mohd Fuad (2012), persepsi merupakan proses yang mana seseorang individu memilih, menerima, mengorganisasi dan menginterpretasikan maklumat daripada persekitarannya. Persepsi adalah kepelbagai dan sukar untuk ditangani jika tidak diurus dengan baik. Secara keseluruhannya hasil kajian menunjukkan Gen Z mempunyai persepsi yang sangat negatif. Perincian persepsi Gen Z terhadap bahasa Melayu diilustrasikan melalui Rajah 1.



Rajah 1 Taburan tahap persepsi bahasa Melayu Gen Z.

Berdasarkan Rajah 1, secara umumnya menunjukkan majoriti Gen Z mempunyai persepsi yang negatif terhadap bahasa Melayu. Gen Z ini dapat dilihat melalui item-item persepsi yang diujikan dalam soal selidik. Item-item ini dianggap dapat memberikan gambaran persepsi responden terhadap bahasa Melayu secara terperinci. Bagi tujuan analisis, hanya item komponen persepsi dengan nilai min terendah yang dilihat sangat mempengaruhi persepsi negatif Gen Z terhadap bahasa Melayu akan dihuraikan. Perincian hasil daripada item persepsi yang diuji dalam soal selidik kepada responden dapat dilihat melalui Jadual 3.

Jadual 3 Analisis soal selidik persepsi bahasa Melayu Gen Z

| Dimensi / Item | Peratusan Persetujuan | | | | | |
|--|-----------------------|------|------|------|------|-----|
| | STS | TS | TP | S | SS | MIN |
| P1. *Tiada keperluan untuk menjadikan bahasa Melayu sebagai Bahasa antarabangsa kerana dunia hari ini sudah dikuasai oleh bahasa Inggeris. | 28.9 | 21.8 | 20.6 | 14.8 | 13.8 | 4.7 |
| P2. Semua warganegara Malaysia perlu mengetahui Dasar Bahasa Kebangsaan dan program bahasa Melayu yang diluluskan kerajaan. | 1.4 | 3.5 | 16.7 | 31.5 | 47.0 | 7.0 |

| | | | | | | |
|--|-------------|-------------|-------------|------------|-------------|------------|
| P3. Bahasa Melayu masih relevan untuk menjadi Bahasa Kebangsaan negara Malaysia. | 15.2 | 7.1 | 10.8 | 17.3 | 49.7 | 3.7 |
| P4. Saya berasa lebih dihormati ketika saya bertutur menggunakan bahasa Melayu yang baik. | 1.5 | 3.9 | 23.3 | 26.2 | 45 | 6.7 |
| P5. Bahasa Melayu lebih mudah dituturkan atau dikuasai berbanding bahasa Inggeris atau bahasa-bahasa lain. | 3.8 | 8.3 | 15.3 | 24.4 | 48.2 | 6.7 |
| P6. Bahasa Melayu penting dalam proses pembangunan negara Malaysia. | 47.6 | 18.6 | 11.5 | 7.4 | 14.8 | 3.8 |
| P7. Warganegara Malaysia perlu menguasai bahasa Melayu dengan baik kerana bahasa Melayu penting untuk urusan pada peringkat antarabangsa. | 43.9 | 15.3 | 16.8 | 8.6 | 15.3 | 4.0 |
| P8. *Bahasa Melayu tidak mampu mengungkap hal-hal yang kompleks. | 29.7 | 24.4 | 21.2 | 11.5 | 13.2 | 4.5 |
| P9. Bahasa Melayu berjaya menyatupadukan rakyat Malaysia yang terdiri daripada pelbagai kaum. | 46.5 | 19.4 | 11.7 | 7.7 | 14.7 | 3.8 |
| P10.*Bahasa Inggeris lebih sesuai dan lebih tepat dari segi maknanya untuk mengungkapkan hal-hal yang lebih saintifik. | 17.4 | 16.8 | 28.0 | 19 | 18.8 | 5.5 |

*Kenyataan berbentuk negatif, nilainya diterbalikkan untuk tujuan pengiraan min.

STS = Sangat tidak setuju, TS = Tidak setuju, TP = Tidak peduli, S= Setuju, SS = Sangat setuju

Melihat kemungkinan jantina juga boleh mempengaruhi persepsi Gen Z terhadap Bahasa Melayu, kajian ini telah mengemukakan hipotesis bahawa terdapat hubungan yang signifikan antara jantina dengan persepsi Gen Z terhadap bahasa Melayu. Walau bagaimanapun, hasil ujian Khi Kuasa Dua, $\chi^2 = 27.684$, $p = 0.000 < 0.05$, seperti yang dipaparkan dalam Jadual 1 menunjukkan bahawa kajian mendapat bukti yang cukup untuk menerima hipotesis tersebut dan menolak hipotesis null (H_0). Oleh itu terbukti memang wujud hubungan atau pertalian antara jantina dengan persepsi Gen Z terhadap bahasa Melayu. Melalui jadual tersebut juga dapat dilihat bahawa Gen Z perempuan mempunyai persepsi yang lebih positif berbanding Gen Z lelaki. Gen Z perempuan yang mempunyai persepsi sangat positif adalah sebanyak 20.1% (66), manakala Gen Z lelaki hanya 6.3% (21).

Jadual 4 Pertalian antara jantina dengan persepsi Gen Z terhadap bahasa Melayu

| Jantina | Persepsi % | | | | Jumlah | χ^2 | P | w |
|-----------|----------------|---------|---------|----------------|--------|----------|-------|-------|
| | Sangat Negatif | Negatif | Positif | Sangat Positif | | | | |
| Lelaki | 18.4 | 60.8 | 14.5 | 6.3 | 332 | 27.684 | 0.000 | 0.205 |
| Perempuan | 16.5 | 50.3 | 13.1 | 20.1 | 328 | | | |

Hasil ujian-T dalam menunjukkan nilai $t = -4.286$, $p = 0.000 < 0.05$ memperkuuh dapatan bahawa wujud perbezaan sikap yang signifikan dalam kalangan Gen Z lelaki dan perempuan terhadap bahasa Melayu. Min bagi perempuan ialah 5.6698, manakala min untuk remaja lelaki ialah 5.0967. Berdasarkan nilai min ini, dapat dirumuskan Gen Z perempuan mempunyai persepsi yang lebih positif, berbanding dengan Gen Z lelaki dengan perbezaan min sebanyak 5.0967.

Selain itu, hasil dapatan data juga menunjukkan faktor lokasi tempat tinggal, iaitu bandar, pinggir bandar dan luar bandar, turut mempengaruhi persepsi Gen Z terhadap bahasa Melayu.

Ujian Khi Kuasa Dua yang dijalankan memberikan penjelasan bahawa persepsi Gen Z luar bandar didapati lebih positif terhadap bahasa Melayu berbanding dengan remaja bandar dan pinggir bandar walaupun jurang perbezaan yang berlaku tidak begitu besar. Hasil ujian Khi Kuasa Dua adalah seperti yang dipaparkan dalam Jadual 5.

Jadual 5 Pertalian antara lokasi dengan persepsi Gen Z terhadap bahasa Melayu

| Kawasan Tempat Tinggal | Persepsi % | | | | Jumlah | χ^2 | P | w |
|------------------------|----------------|---------|---------|----------------|--------|----------|-------|-------|
| | Sangat Negatif | Negatif | Positif | Sangat Positif | | | | |
| Bandar | 20.1 | 58.9 | 14.4 | 6.7 | 389 | 57.803 | 0.000 | 0.209 |
| Pinggir Bandar | 10.6 | 58.8 | 15.0 | 15.6 | 160 | | | |
| Luar Bandar | 18.0 | 39.6 | 9.9 | 32.4 | 111 | | | |

Berdasarkan cerapan data dalam Jadual 5, kajian menunjukkan Gen Z di luar bandar mempunyai persepsi yang lebih positif terhadap bahasa Melayu berbanding dengan Gen Z di bandar dan pinggir bandar. Gen Z di bandar, mempunyai persepsi negatif yang tinggi diikuti dengan Gen Z di pinggir bandar. Hasil ujian Khi Kuasa Dua, $\chi^2 = 57.803^a$, $p = 0.000 < 0.05$, menunjukkan bahawa kajian ini mempunyai bukti yang kukuh untuk menolak hipotesis null (H_0) yang mengatakan bahawa tidak ada perkaitan yang signifikan antara lokasi tempat tinggal dengan sikap Gen Z terhadap bahasa Melayu. Hakikatnya, lokasi remaja mempunyai pertalian langsung dengan persepsi mereka terhadap bahasa Melayu. Walau bagaimanapun, pertalian yang berlaku adalah pertalian yang lemah/kecil berdasarkan nilai w ($w = 0.209$).

Hasil ujian ANOVA, $F = 18.020$, $p = 0.000 < 0.05$ membuktikan bahawa terdapat perbezaan persepsi yang signifikan dalam kalangan Gen Z memperkuuh dapatan bahawa wujud perbezaan sikap yang signifikan dalam kalangan Gen Z di bandar, pinggir bandar dan luar bandar. Berdasarkan nilai PostHoc dan Sheffer kajian mencatatkan min untuk bandar ialah 5.0684, min untuk pinggir bandar ialah 5.5981, manakala min untuk luar bandar ialah 6.0946. Berdasarkan nilai min ini, didapati tahap persepsi terhadap bahasa Melayu Gen Z luar bandar adalah lebih positif berbanding Gen Z di bandar dan pinggir bandar.

Selanjutnya, hasil cerapan mendapati selain daripada jantina dan lokasi, kaum juga merupakan salah satu faktor yang mewujudkan perbezaan persepsi terhadap bahasa Melayu dalam kalangan Gen Z. Hasil ujian Khi Kuasa Dua mendapati $\chi^2 = 39.774^a$, $p = 0.000 < 0.05$, mempunyai bukti yang cukup untuk menolak H_0 null yang mengatakan tidak ada hubungan yang signifikan antara kaum dengan persepsi Gen Z terhadap bahasa Melayu. Namun hubungannya adalah kecil dengan nilai V Cramer $w = 0.142$. Hasil ujian Khi Kuasa Dua adalah seperti yang dipaparkan dalam Jadual 6.

Jadual 6 Pertalian antara Gen Z yang berlaian kaum dengan persepsi terhadap bahasa Melayu

| Kaum | Persepsi % | | | | Jumlah | χ^2 | P | w |
|------------|----------------|---------|---------|----------------|--------|----------|-------|-------|
| | Sangat Negatif | Negatif | Positif | Sangat Positif | | | | |
| Melayu | 19.6 | 52.2 | 10.6 | 17.6 | 414 | 39.774 | 0.000 | 0.142 |
| Cina | 10.3 | 67.1 | 20.5 | 2.1 | 146 | | | |
| India | 20.3 | 49.2 | 18.6 | 11.9 | 59 | | | |
| Bumiputera | 17.1 | 58.5 | 14.6 | 9.6 | 41 | | | |

Untuk melihat sama ada wujud atau tidak perbezaan persepsi dalam kalangan Gen Z yang berlainan kaum ujian ANOVA dilakukan. Hasil ujian ANOVA, $F = 1.297$, $p = 0.274 > 0.05$ membuktikan bahawa tidak terdapat perbezaan persepsi yang signifikan dalam kalangan Gen Z yang berlainan kaum/etnik. Berdasarkan hasil ujian ANOVA, maka H_0 null yang mengatakan tidak terdapat perbezaan persepsi yang signifikan dalam kalangan Gen Z yang berlainan kaum/etnik diterima. Berdasarkan nilai PostHoc dan Sheffer kajian mencatatkan min keseluruhan persepsi untuk kaum Cina ialah 5.1370, min untuk kaum India ialah 5.3814, min untuk Bumiputera ialah 5.3878, dan min untuk kaum Melayu ialah 5.461. Min bagi kaum Cina adalah yang terendah dan min bagi kaum Melayu adalah yang tertinggi. Dapat diandaikan Gen Z dari kaum Melayu mempunyai persepsi yang lebih positif berbanding kaum-kaum lagi.

Selanjutnya kajian turut melihat aliran bidang pengajian juga merupakan faktor yang boleh mempengaruhi persepsi bahasa Melayu Gen Z. Hasil ujian Khi Kuasa Dua, $\chi^2 = 304.849^a$, $p= 0.000 < 0.05$, seperti dipaparkan dalam Jadual 1.4, menunjukkan bahawa kajian inmempunyai bukti yang kukuh untuk menolak hipotesis null (H_0) yang mengatakan bahawa tidak ada perkaitan yang signifikan antara Gen Z yang berlainan bidang dengan sikap terhadap bahasa Melayu. Bidang pengajian Gen Z mempunyai pertalian langsung dengan persepsi mereka terhadap bahasa Melayu. Walau bagaimanapun, nilai π ($w = 0.392$) menunjukkan pertalian yang berlaku adalah pertalian yang sederhana.

Jadual 7 Pertalian antara bidang pengajian dengan persepsi Gen Z terhadap bahasa Melayu

| Bidang Pengajian | Persepsi % | | | | Jumlah | χ^2 | P | w |
|---------------------------------|----------------|---------|---------|----------------|--------|----------|-------|-------|
| | Sangat Negatif | Negatif | Positif | Sangat Positif | | | | |
| Teknologi Kejuruteraan | 21.8 | 63.7 | 12.1 | 2.4 | 372 | 304.849 | 0.000 | 0.392 |
| Sains & Teknologi | 16.7 | 72.2 | 11.1 | 0.0 | | | | |
| Perubatan | 21.6 | 70.6 | 7.8 | 0.0 | | | | |
| Ekonomi/ Perniagaan/ Perakaunan | 2.6 | 31.2 | 23.4 | 42.9 | | | | |
| Komunikasi | 0.0 | 11.8 | 11.8 | 68.6 | | | | |
| Bahasa & Sastera | 16.7 | 36.7 | 20.0 | 26.7 | | | | |
| Lain-lain | 0.0 | 42.9 | 28.6 | 28.6 | | | | |

Ujian ANOVA yang dilakukan, $F = 75.090$, $p = 0.000 < 0.05$, cukup membuktikan memang wujud perbezaan sikap dalam kalangan Gen Z dari bidang pengajian yang berlainan. Berdasarkan nilai PostHoc dan Sheffer kajian mencatatkan min tertinggi ialah Gen Z yang mengambil bidang Komunikasi dengan nilai min 8.0588, diikuti dengan bidang Ekonomi/Perniagaan/Perakaunan 7.1675, Bahasa & Sastera 6.1833, lai-lain 5.4143, Sains & Teknologi 4.8681, Teknologi Kejuruteraan 4.7984 dan yang min terendah ialah bidang Perubatan 4.5098. Dapat disimpulkan secara umum, Gen Z yang mengambil jurusan Komunikasi mempunyai persepsi yang lebih positif terhadap bahasa Melayu dan Gen Z dalam bidang Perubatan mempunyai persepsi yang negatif terhadap bahasa Melayu.

6. PERSEPSI BAHASA MELAYU GEN Z DARI PERSPEKTIF SOSIOKOGNITIF

Sebanyak 10 item soal selidik yang berkaitan dengan persepsi terhadap bahasa Melayu telah diajukan kepada responden. Antara item komponen persepsi dengan nilai min terendah yang dilihat sangat mempengaruhi persepsi negatif Gen Z terhadap bahasa Melayu ialah berkaitan dengan (i) bahasa Melayu penting dalam proses pembangunan negara Malaysia. Item komponen ini akan dihujahkan dengan mendalam berlandaskan teori dan pendekatan sosiokognitif

Persepsi bahasa Melayu seseorang itu tidak terbina dengan sekadar bergantung kepada tingkah laku diri orang itu sendiri. Hal ini umumnya turut dipengaruhi oleh faktor-faktor lain seperti latar belakang dan persekitaran penutur. Menurut Bandura (1986), seseorang itu belajar melalui pemerhatian, membaca perlakuan manusia lain, dan membuat andaian umum tentang dunia. Bandura percaya bahawa perlakuan, boleh ubah personal, dan persekitaran akan mempengaruhi pembentukan personaliti seseorang. Hubungan tiga segi ini dinamakan penentu timbal balik. Ketiga-tiga elemen ini saling berkaitan dalam mempengaruhi perlakuan seseorang. Dalam konteks kajian ini, persepsi Gen Z merupakan elemen kognitif yang terbentuk daripada pengaruh latar sosial mereka. Personaliti yang terbentuk daripada tindak balas dengan persekitaran itu pula apabila ditonjolkan dalam masyarakat boleh menjadi model kepada orang lain untuk diikuti. Fenomena ini pastinya dapat dijelaskan menggunakan teori yang sesuai.

Melalui output kajian ini, didapati kelunturan jadi diri Gen Z terhadap bahasa Melayu juga disebabkan oleh persepsi negatif mereka terhadap bahasa Melayu. Melalui pengujian item jadi tiri mengenai peranan bahasa Melayu dalam proses pembangunan negara dapatkan kajian, mendapati 66.2% Gen Z mempunyai anggapan bahawa Melayu tidak penting dalam proses pembangunan negara. Wawancara terfokus yang dilakukan terhadap Gen Z, mengukuhkan lagi dapatkan ini.

“Bukan nak cakap BM tu tak penting. Sebagai rakyat Malaysia kita kenalah mahir bertutur dalam bahasa Melayu. Tapi... kalau dalam konteks pembangunan negara ni... bahasa Inggeris tu lagi penting rasanya. Macam kitorang kat universiti ni semua buku rujukan dalam BI. Pensyarah mengajar pun dalam BI”.

(Sumber: Gen Z 1)

Berdasarkan wawancara tersebut, kajian ini mendapat gambaran bahawa Gen Z dalam kajian ini lebih meyakini peranan bahasa Inggeris berbanding bahasa Melayu. Persepsi negatif ini wujud akibat pengaruh dan peniruan peristiwa kebahasaan yang diterima oleh mereka. Gen Z merupakan generasi yang lahir dan membesar dalam era RI4, iaitu era yang mementingkan penggunaan bahasa asing terutamanya bahasa Inggeris. Kepentingan penguasaan bahasa Inggeris dalam sistem pendidikan negara telah didedahkan kepada Gen Z melalui dasar PPSMI dan DLP. Apabila dasar PPSMI diperkenalkan oleh kerajaan pada ketika itu, keadaan ini telah menguatkan lagi persepsi sesetengah golongan bahawa penguasaan bahasa Inggeris amat penting bagi menjalani kehidupan dalam era kemodenan ini. Anak-anak Gen Z ini telah dipersiapkan oleh ibu bapa mereka dengan pelbagai nilai tambah untuk menempuh arus globalisasi, termasuklah kemahiran menguasai bahasa asing khususnya bahasa Inggeris. Ibu bapa ingin kemahiran berbahasa Inggeris dengan cekap dikuasai oleh anak-anak mereka agar tidak tercincir dan ketinggalan dalam pembelajaran dan membolehkan anak-anak mereka memasarkan diri dalam persaingan kompetitif sektor kerjaya. Keadaan ini menyebabkan sesetengah Gen Z telah diberi pendedahan dengan penggunaan dwibahasa sejak mereka lahir.

Kepentingan menguasai bahasa Inggeris untuk lebih berdaya saing telah diterapkan dalam minda Gen Z oleh ibu bapa sejak mereka kecil. Gen Z akan meniru model bernyawa yang dirasakan paling tepat dan sesuai. Dalam konteks sosiokognitif, ibu bapa dan keluarga ialah model bernyawa yang telah mempengaruhi pemikiran dan tingkah laku kebahasaan Gen Z. Hal ini sesuai dengan teori sosiokognitif yang menekankan bahawa pembelajaran berlaku dengan melihat tingkah laku orang lain dan mengenal pasti akibat peniruan tersebut. Kepentingan untuk cekap dan mahir berbahasa

Inggeris ini telah diperkuuh dalam kognisi Gen Z, sesuai dengan rangsangan yang diberikan oleh sistem pendidikan, bahawa penguasaan bahasa Inggeris merupakan satu kelebihan memasarkan diri dalam persaingan kompetitif sektor kerjaya. Kesan kognitif ini berlaku dalam pelbagai bentuk. Teori sosiokognitif mengatakan kebanyakan tingkah laku manusia ditentukan oleh apa-apa yang mereka fikirkan merangkumi matlamat personal yang ingin dicapai. Semakin tinggi keyakinan mereka, semakin tinggi matlamat yang ditetapkan dan semakin tinggi komitmen yang diletakkan dalam mencapai matlamat mereka:

Self-efficacy values influence self-help or self-destructive thinking habits. These mental effects come in a variety of shapes and sizes. Many aspects of human actions are influenced by forethought embodied in cognized goals, and personal goal-setting is influenced by self-assessment of skill. The higher the expectations people set for themselves and the more committed they are, the greater their perceived self-efficacy.

(Bandura 1989: 1175)

Selain daripada itu, masyarakat kini telah menunjukkan perubahan cara pemikiran dan gaya hidup. Ibu bapa kebanyakannya, bukan sahaja mempersiapkan anak-anak mereka dengan penguasaan bahasa Inggeris, malah turut berlumba-lumba memastikan anak-anak mereka mempunyai kemahiran berbahasa asing yang lain seperti bahasa Mandarin, Jepun, Jerman dan sebagainya. Kursus bahasa asing ini juga bukan sahaja telah diwajibkan pengambilannya di sesetengah sekolah, malah turut dijadikan salah satu subjek elektif wajib di peringkat pengajian tinggi yang perlu diambil oleh pelajar sebagai syarat bergraduat. Persepsi terhadap bahasa Melayu dalam diri anak-anak masa kini, sedikit sebanyak telah dihakis oleh perubahan corak pendidikan, pemikiran dan gaya hidup masyarakat kini. Perhatian kepada peristiwa kebahasaan yang berlaku di sekeliling mereka, telah terakam dan tersimpan dalam memori mereka. Sehingga untuk satu jangka masa yang panjang, tanpa sedar memori yang terakam ini telah menjadi sebatи dalam diri mereka yang akhirnya mempengaruhi persepsi mereka terhadap bahasa Melayu. Dalam hal ini ibu bapa, keluarga, masyarakat sekeliling yang menjadi ikutan Gen Z dalam kajian ini merupakan peniruan daripada model bernyawa seperti yang disebut dalam teori sosiokognitif. Menurut Bandura, manusia bebas bertindak balas terhadap situasi, mereka juga boleh diubah dan dipengaruhi oleh keadaan yang tidak dijangka, lalu peristiwa yang dialami ini akan membentuk personaliti dan menentukan hala tuju kehidupan mereka (Puteri Roslina, 2003).

Hasil analisis data soal selidik menunjukkan, Gen Z dalam kajian ini yang menyatakan bahasa Melayu tidak penting dalam proses pembangunan negara, sebanyak 63.4% datangnya dari Gen Z yang tinggal di kawasan bandar dan 23.4% yang tinggal di kawasan pinggir bandar. Gen Z yang tinggal di bandar, lebih banyak terdedah dan terpengaruh dengan bahasa asing, khususnya bahasa Inggeris. Tempias kemajuan di bandar turut memberi kesan kepada Gen Z di pinggir bandar akibat daripada rebakan pembandaran.

Penggunaan bahasa Inggeris sememangnya tinggi di kawasan bandar. Namun, akibat rebakan pembandaran dan kemajuan akses rangkaian jalur lebar, Gen Z di pinggir bandar dan luar bandar turut menerima kesan yang sama. Masyarakat yang tinggal di kampung, mula meniru menggunakan bahasa Inggeris untuk bertutur dengan anak-anak kecil. Laporan Hafiz (2016), dalam Astro Awani mengukuhkan perkara ini. Laporan tersebut menyebut, bahawa dari tahun ke tahun tahap penggunaan bahasa Inggeris dalam kalangan pelajar di sekolah-sekolah luar bandar dan di bandar telah menunjukkan jurang yang semakin kecil. Laporan berita ini turut memetik kenyataan mantan Timbalan Menteri Pendidikan, Chong Sin Woon, yang menyatakan literasi bahasa Inggeris dalam kalangan pelajar di bandar adalah pada tahap 89.9% sementara pelajar di luar bandar mencatatkan literasi bahasa Inggeris pada tahap 83.3%. Teo Kok Seong (2019) berpendapat, perubahan ekonomi seperti modenisasi, industrialisasi dan urbanisasi menjadi faktor yang menyebabkan seseorang atau golongan itu beralih kepada bahasa yang dikaitkan dengan kehidupan moden dan taraf hidup yang tinggi serta canggih. Bahasa Inggeris adalah antara beberapa bahasa lain yang selalunya dikaitkan dengan kemajuan ekonomi (Teo Kok Seong, 2019).

Kajian ini juga mendapati kepentingan bahasa Melayu dalam proses pembangunan negara dinafikan oleh 92.2% daripada Gen Z yang menerima pendidikan dalam bidang perubatan, 81.9% daripada Gen Z dalam bidang Sains & Teknologi dan 78.8% daripada Gen Z dalam bidang Teknologi Kejuruteraan. Sejak dari lahir lagi Gen Z ini telah terdedah dengan penggunaan bahasa Inggeris, kemudian disambut pula dengan sistem pendidikan yang menggunakan bahasa Inggeris sebagai bahasa pengantar bagi beberapa subjek di peringkat sekolah rendah dan menengah, dan seterusnya disambut pula dengan sistem di pusat pengajian tinggi yang 90.0% menggunakan bahasa Inggeris sebagai medium utama dalam sesi PdP. Berdasarkan wawancara tersebut juga dapat dikesan berlaku hubungan timbal balik antara persekitaran, kognitif dan persepsi bahasa Melayu Gen Z. Persekitaran yang mementingkan bahasa Inggeris telah mempengaruhi kognitif Gen Z terhadap bahasa Melayu, yang akhirnya memberi kesan kepada pembentukan persepsi bahasa Melayu mereka. Selari dengan hubungan timbal balik yang menjadi asas teori sosiokognitif.

7. KESIMPULAN

Secara kesimpulannya, kajian ini telah menjelaskan fenomena persepsi bahasa Melayu dalam kalangan Gen Z, menggunakan teori dan pendekatan sosiokognitif telah mencapai objektif kajian. Kajian ini mendapati, pembentukan persepsi Gen Z dalam kajian ini bermula dengan proses mengamati dan meniru perilaku model peranan. Model peranan bernyawa seperti ibu bapa, keluarga terdekat, masyarakat sekeliling dan guru adalah yang paling kuat mempengaruhi pembentukan persepsi Gen Z terhadap bahasa Melayu. Model peranan bernyawa sering kali bertindak balas dengan kognisi Gen Z untuk membentuk jati diri iaitu menerima bentuk atau pola kebahasaan yang berlaku dalam masyarakat. Analisis keterkaitan antara latar sosial Gen Z dengan persepsi bahasa Melayu menunjukkan bahawa latar sosial juga berperanan dalam mempengaruhi pembentukan persepsi bahasa Melayu. Hasil analisis kajian membuktikan, latar sosial seperti jantina, lokasi tempat tinggal, kaum/etnik dan aliran bidang pengajian sememangnya mempunyai hubungan dan perbezaan yang signifikan dengan tahap persepsi bahasa Melayu dalam kalangan Gen Z.

RUJUKAN

- Akinkurolere, S. O. (2018). A Study on the Extinction of Indigenous Languages in Nigeria: Causes and Possible Solutions. *Annals of Language and Literature*, 2(1), 22-26.
- Arndt Graf. (2020). Cabaran pelestarian bahasa Melayu menjelang revolusi industri keempat. Melayu: Jurnal Antarabangsa Dunia Melayu, 13(1): 161-172.
- Bandura, A. (1986). *Social Foundations of Thoughts and Action: A Social Cognitive Theory*. Englewood Cliffs. NJ.: Prentice-Hall.
- Bandura, A. (1989). Human agency in social cognitive theory. *American Psychologist*, 1175-1184.
- Beck, D., & Lam, Y. (2008). Language loss and linguistic suicide: A case study from the Sierra Norte de Puebla, Mexico. Toronto Working Papers in Linguistics, 27.
- Chew Feng Pong. (2008). Pengajaran Sains dan Matematik dalam Bahasa Inggeris (PPSMI): penerimaan dan kesannya terhadap status Bahasa Melayu. *Jurnal Sarjana*, (23): 52-71. Diakses pada 4/11/2017 http://www.myjurnal.my/filebank/published_article/14562/Art_4.PDF.
- Chua. (2011). Kaedah dan statistik Penyelidikan. Jil. 2. ttp: McGraw-Hill.
- Ghazali Darusalam & Sufean Hussin. (2016). Metodologi Penyelidikan dan Pendidikan: Amalan dan Analisis Kajian. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Hafiz Marzukhi. (2016). Jurang Literasi Bahasa Inggeris Antara Bandar dan Luar Bandar Semakin Kecil. *astroawani*, 7 November. Diakses pada 10/10/2019 dari, <https://www.astroawani.com/berita-malaysia/jurang-literasi-bahasa->.

- Jalaludin Chuchu. (2008). Bahasa Melayu Brunei dan identiti: hala tuju ke depan. *Jurnal Linguistik Indonesia*, 2: 185-196.
- Joanes J., Ahmad Sofian A., Goh X. Z. dan Kadir S. (2014). *Persepsi dan Logik*. Johor Baharu: Universiti Teknologi Malaysia.
- Junaidi Awang Besar & Mohd Fuad Mat Jali. (2010). Pemansuhan dasar PPSMI : tinjauan daripada persepsi parti politik , ahli akademik dan NGO serta pengalaman di sekolah. *Jurnal Melayu*, (5): 177-197. Diakses pada 30/9/2017 dari, http://journalarticle.ukm.my/3025/1/01ADNAN_JUSOH.pdf.
- Kamal Shukri Abdullah Sani. (2009). Bahasa Melayu akan pupus. Dlm. Abdullah Hassan (Pnyt.), *Mengapa kami bantah! Pengajaran & pembelajaran Sains dan Matematik dalam bahasa Inggeris (PPSMI)*. Edisi Kedua (hlm. 113-130). Kuala Lumpur: Persatuan Penterjemah Malaysia.
- Kotler, Philip. (2000). *Marketing Managemen:Analysis,Planning, Implementation, and Control. 9th Edition*. New Jersey, Prentice Hall International.
- Marsudi. (2009). Jati diri bahasa Indonesia di era globalisasi teknologi informasi. *Jurnal Sosial Humaniorah*, 2 (2) : 133-148.
- Nor Hashimah Jalaluddin, Junaini Kasdan & Zaharani Ahmad. (2010). Sosiokognitif pelajar remaja terhadap bahasa Melayu. *GEMA Online Journal of Language Studies*, 10 (3): 68-87.
- Noor Azizah Noorashid. (2019). Revolusi industri 4.0: impak terhadap perkembangan pendidikan tinggi di Malaysia. *Journal of Sciences and Management Research*, 5: 55-67.
- Nur Uzuki Yusuff & Khuzaiton Zakaria. (2018). Loghat Kelantan pemungkin jati diri rakyat Kelantan: kelestarian dan pemerksaananya. *International Online Journal of Language, Communication, and Humanities*, 1(2): 25-39. Diakses pada 30/10/2021 dari, <http://insaniah.umk.edu.my/journal/index.php/insaniah/article/view/24>.
- Puteri Roslina Abdul Wahid. (2003). Pendekatan sosiokognitif dalam seni kartun: kajian kes kartun Lat. *Jurnal Bahasa*, 3: 433-645.
- Stake, R. E. (1995). *The Art of Case Study Research*. United states of America: Publisher SAGE Publication, Inc.
- Teo Kok Seong. (2019). Bahasa dan Masyarakat. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Venturin, B. (2019). "I Don't Fit in Here and I Don't Fit in There:" Understanding the Connections between L1 Attrition and Feelings of Identity in 1.5 Generation Russian Australians. *Heritage Language Journal*, 16(2), 238-268.
- Yamasaki, E. (2020). *Yucatec Maya Language on the Move: Considerations on Vitality of Indigenous Languages in an Age of Globalization*. In Siragusa L. & Ferguson J. (Eds.), *Responsibility and Language Practices in Place* (pp. 99-114). Helsinki: Finnish Literature Society.
- Zwisler, Joshua James. (2018). Language Policy and the Construction of National Identity in Colombia. *En revista Encuentros*, 16 (01), 133-146.
- Zaliza Mohamad Nasir & Zaitul Azma Zainon. (2014). Sikap dan motivasi pelajar terhadap pembelajaran Bahasa Melayu. *Procedia - Social and Behavioral Sciences*, 134: 408-415. Diakses pada 4/11/2017 dari, <http://linkinghub.elsevier.com/retrieve/pii/S1877042814031735>.
- Zulkifley Hamid, Rahim Aman & Karim Harun. (2010). Sikap Terhadap Bahasa Melayu: Satu Kajian Kes Di Pantai Timur Semenanjung. *Jurnal Melayu*, (5)2010: 163-176.